



**KETUA SETIAUSAHA**  
**SECRETARY GENERAL**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
**Ministry of Education Malaysia**  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072  
Faks : 03-8888 5124  
Laman web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.100-1/4/2 Jld.3 ( 15 )  
Tarikh : 7 Januari 2022

Semua Setiausaha Bahagian

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri  
Jabatan Pendidikan Negeri

Semua Pengetua  
Sekolah Berasrama Penuh

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Sri/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL 1 TAHUN 2022: BANTUAN PROJEK  
KHAS MURID SEKOLAH BERASRAMA PENUH (PKSBP)**

---

**TUJUAN**

1. Surat Pekeling Kewangan (SPK) ini bertujuan untuk menggariskan peraturan serta tatacara pengurusan bantuan Projek Khas Murid Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP) di semua Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan sekolah-sekolah di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**LATAR BELAKANG**

2. SBP ditubuhkan bagi mewujudkan peluang untuk murid-murid yang berpotensi terutamanya dari kawasan luar bandar bagi mendapat pendidikan dengan kemudahan yang teratur.

3. Kementerian Pelajaran melalui Mesyuarat Pengurusan Bil.18/2003 telah mewujudkan bantuan PKSBP yang bertujuan memberikan bantuan kewangan kepada murid-murid miskin yang bersekolah di SBP bagi meringankan kos yang ditanggung oleh murid dalam penyediaan keperluan asas sepanjang bersekolah di SBP.

## **KRITERIA KELAYAKAN**

4. Kriteria kelayakan bantuan PKSBP adalah seperti berikut:
- i. Murid warganegara Malaysia;
  - ii. Murid Tingkatan 1 hingga 5 (termasuk Asas 1 hingga Tahap 2) yang bersekolah di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau sekolah-sekolah di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
  - iii. Murid adalah dari keluarga yang pendapatan ibu dan bapa/ penjaga utama dan penjaga kedua atau pendapatan perkappa berada dalam kategori miskin tegar berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional Semasa; dan
  - iv. Murid tidak menerima biasiswa/ bantuan pendidikan dalam bentuk kewangan yang lain (kecuali bagi bantuan yang dibenarkan oleh KPM).

## **KADAR BANTUAN**

5. Kadar bayaran bantuan PKSBP bagi setiap murid yang layak adalah RM700 setahun.

## **PENGURUSAN PERUNTUKAN**

6. Bahagian Kewangan (BKew) menyalurkan peruntukan tahun semasa yang diluluskan kepada BPSBP selepas menerima Waran Am dari Perbendaharaan Malaysia.

7. BPSBP hendaklah memastikan peruntukan tahun semasa dibelanjakan secara optimum dan laporan prestasi perbelanjaan hendaklah dikemukakan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh BKew.

8. Baki peruntukan tahun semasa setelah melaksanakan pembayaran bantuan PKSBP hendaklah dipulangkan semula kepada BKew mengikut tempoh yang ditetapkan oleh BKew.

## **PERMOHONAN DAN PENAWARAN BANTUAN PKSBP**

9. Murid yang memenuhi kriteria kelayakan boleh memohon bantuan PKSBP dengan menggunakan **Borang PB1** dan **Borang PB2** serta mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak sekolah. Tarikh dan tempoh permohonan adalah

berdasarkan takwim/ surat pemakluman yang dikeluarkan oleh BPSBP pada setiap tahun.

10. Penjelasan mengenai tatacara permohonan, pemilihan dan penawaran kepada murid yang layak serta keterangan mengenai tanggungjawab dan peranan pengurus di setiap peringkat hendaklah dirujuk dalam Garis Panduan (GP) PKSBP terkini yang dikeluarkan oleh BPSBP.

11. Murid yang ditawarkan bantuan PKSBP akan terus menerima bantuan tersebut pada setiap tahun selagi masih memenuhi kriteria kelayakan sepanjang persekolahan.

### **PEMBAYARAN BANTUAN PKSBP**

12. Pembayaran bantuan PKSBP kepada murid penerima sedia ada atau murid baharu dilaksanakan secara sekaligus pada sesuatu tahun melalui pengkreditan wang ke akaun bank murid atau secara tunai kepada murid sekiranya tidak dapat dikreditkan ke akaun bank.

13. Kaedah perakaunan dan tatacara pengurusan pembayaran PKSBP hendaklah dirujuk dalam GP PKSBP yang terkini.

### **PEMAKAIAN**

14. SPK ini merupakan punca kuasa umum dalam pengurusan bantuan PKSBP dan hendaklah dibaca bersama GP PKSBP terkini dikeluarkan oleh BPSBP yang menjelaskan mengenai pengurusan bantuan PKSBP secara terperinci.

15. Pindaan pada SPK adalah di bawah kuasa Pegawai Pengawal manakala pindaan pada GP PKSBP yang tidak bercanggah dengan SPK adalah di bawah kuasa Pengarah BPSBP atau pegawai yang diarah menanggung kerja setelah mendapatkan ulasan dari BKew.

### **TARIKH KUATKUASA**

16. SPK ini berkuatkuasa mulai tarikh diluluskan bagi pengurusan bantuan PKSPB mulai tahun 2022.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia